

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN P. PRABAKARAN [BATU]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN P. PRABAKARAN [BATU] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan efektif yang telah dilaksanakan oleh pihak DBKL terhadap laporan isu banjir yang seringkali berlaku di kawasan persekitaran Kuala Lumpur terutamanya diseluruh kawasan Parlimen Batu yang terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, sepertimana semua sedia maklum negara mengalami fasa peralihan monsoon yang bermula dari 24 September 2020 dan dijangka berterusan sehingga awal November 2020. Keadaan atmosfera yang tidak stabil dengan tiupan angin yang pelbagai arah dan perlahan menyebabkan aktiviti perolakan mudah berlaku. Corak cuaca secara amnya ialah hujan dan ribut petir pada petang dan awal malam di negeri Pantai Barat, pedalaman Semenanjung, barat dan pedalaman

Sarawak dan barat Sabah. Hujan lebat dan taburan hujan yang tinggi dalam tempoh singkat berpotensi untuk menyebabkan banjir kilat. Pelbagai usaha dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi mengatasi isu banjir di seluruh Kuala Lumpur. Kerja-kerja menaiktaraf perparitan sediaada seperti monsoon drain dan roadside drain. Disamping itu kerja-kerja pembersihan parit-parit awam dipertingkatkan supaya melancarkan aliran air. Berikut adalah lokasi-lokasi hotspot banjir yang telah diambil tindakan di Kawasan Parlimen Batu:

- 1) Persimpangan Jalan 46/10 dan Jalan 2/12 (SMK Batu Muda);
- 2) Jalan Taman Batu Muda berhampiran Gerai MPS;
- 3) Jalan Khalsa Taman Kaya;
- 4) Jalan Pipit, Taman Kok Lian; dan
- 5) Jalan Union 2 dan Jalan Union 3, Taman Union.

Kejadian banjir kilat di Jalan Tekukur, Taman Million, DBKL telah menyiapkan kajian dan pelan rekabentuk. Dokumen tawaran dijangka akan diiklankan pada Disember 2020 dan dijangka siap pada Oktober 2021.

SOALAN NO : 52

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat jua, bagi kerja-kerja pembangunan dan Infrastruktur (MRT) di kawasan Parlimen Batu, DBKL akan memantau dan menguatkuasakan supaya pihak yang terlibat mematuhi keperluan MASMA 2 seperti berikut:-

- 1) Kawalan tapak pembinaan dengan menyediakan silt trap bagi mengelakkan banjir lumpur;
- 2) Penyediaan *On Site Detention* (OSD) bagi memperlahankan air hujan sebelum mengalir ke peparitan awam.

Strategi bagi mengatasi banjir dilaksanakan secara berperingkat:-

- 1) Untuk pembangunan baru dan pembangunan semula hendaklah mematuhi keperluan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA 2) seperti 'On Site Detention (OSD)' untuk memperlahankan air hujan sebelum mengalir ke peparitan awam;
- 2) Untuk kawalan tapak pembinaan sedang dalam pembinaan pula, pihak pemaju perlu menyediakan perangkap kelodak dan mematuhi garis panduan 'Erosion and Sediment Control Plan (ESCP)' berdasarkan keperluan MSMA 2 bagi mengelakkan banjir lumpur;
- 3) Kawasan Banjir sedia ada:-
 - Menaiktaraf peparitan sedia ada seperti parit induk dan longkang tepi jalan; dan
 - Tindakan pembersihan parit-parit awam secara berkala supaya tiada sekatan sampah sarap yang boleh menyekat pengaliran air.

Sekian, terima kasih.